



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

KENDURI RAKYAT MADANI PERKUKUH PERPADUAN KOMUNITI SETEMPAT SEMPENA RAMADAN

PERMATANG PAUH, 8 Mac 2026 – Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri telah menganjurkan Program Satelit Khas: Kenduri Rakyat MADANI bertempat di Masjid Al-Falah, Pengkalan Tambang, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Majlis berkenaan telah dimeriahkan dengan kehadiran **YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang**, bersama komuniti setempat, wakil jabatan dan agensi kerajaan, pelajar institusi pendidikan serta pasukan keselamatan.

Penganjuran program ini merupakan satu inisiatif berteraskan komuniti yang menggabungkan pelbagai pengisian bermanfaat termasuk majlis berbuka puasa, pengisian kerohanian, input kenegaraan, Jualan Rahmah, penyampaian sumbangan zakat serta solat berjemaah selain berperanan memperkukuh jati diri, perpaduan dan semangat kenegaraan dalam kalangan rakyat melalui interaksi sosial, kebersamaan serta penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kemasyarakatan.

Menurut YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, penganjuran program seperti ini selaras dengan aspirasi **Malaysia MADANI** yang menekankan prinsip keadilan sosial dan kemakmuran secara inklusif tanpa mengira latar belakang masyarakat.

Beliau turut menegaskan bahawa pendekatan turun padang melalui program komuniti seperti ini membolehkan rakyat merasai keprihatinan kerajaan secara langsung, sekali gus memperkukuh hubungan antara pemimpin, agensi kerajaan dan masyarakat.

Selain itu, bulan Ramadan turut menjadi platform penting untuk menyuburkan elemen **Ihsan**, iaitu nilai keikhlasan, tanggungjawab dan kepedulian dalam menyantuni masyarakat. Melalui kerjasama strategik antara pengurusan masjid, agensi kerajaan serta badan keselamatan, program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Keunikan program ini juga terletak pada penggabungan elemen ibadah dan khidmat rakyat dalam satu platform yang holistik. Inisiatif seperti **Jualan Rahmah** membantu meringankan kos sara hidup masyarakat, manakala penyampaian **sumbangan zakat dan bantuan kebajikan** pula menyokong usaha memperkasa kesejahteraan sosial.

Program ini diharapkan dapat terus menjadi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif berteraskan komuniti dalam usaha menyemai nilai ihsan, memperkukuh perpaduan serta memupuk semangat kenegaraan dalam kalangan masyarakat.

Turut sama hadir, Yang Berbahagia Dato' Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia, Encik Mohd Khailani bin Ismail, Pengarah Bahagian Kepimpinan Strategik, Akademi Kenegaraan Malaysia, Encik Mohd Termizi bin Mat Bunor @ Mohamed Nadzri, Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia Negeri Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan, Penyelaras-penyelaras KADUN serta agensi-agensi yang lain.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI

8 Mac 2026
